

DEFINISI AJARAN SESAT, SEJARAH KEMUNCULAN
DAN IMPLIKASINYA TERHADAP MASYARAKAT

1. DEFINISI AJARAN SESAT.

Ajaran sesat bermaksud, apa jua ajaran dan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam atau dengan mana-mana sumber hukum Islam (Al-Quran, Al-Hadith, Ijma^C Ulamak dan Qias), sedangkan ajaran dan amalan tersebut dikatakan dari ajaran Islam. Ianya diajar atau dikembangkan kepada masyarakat secara sulit atau rahsia untuk ahli-ahli kumpulan sahaja, ataupun diajarkan secara terbuka kepada masyarakat, menjadikannya sebagai amalan atau pegangan kepada individu dan kumpulan yang berkenaan.¹

Pengertian ini sejajar dengan pengertian ajaran salah di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor yang menyatakan;

"Barangsiapa mengajarkan atau menghuraikan kepada se-siapa di mana-mana sahaja akan sesuatu ajaran atau menjalankan sesuatu ibadat istiadat atau sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak, adalah dikira sebagai pengembang ajaran sesat".²

¹ Mohd. Amin bin Saleh, "Ciri-Ciri Kesesatan Dalam Sesuatu Ajaran/Amalan", Masa, Jurnal Penyelidikan Islam Malaysia, Bil. 4 (1403/1983), Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, m.s. 31.

² Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, Bil. 14, Tahun 1978, seksyen 167, m.s. 67..

Pengertian tersebut dapat dijadikan kayu pengukur untuk menilai samada sesuatu ajaran yang dikembangkan oleh sesyatu kumpulan itu benar atau salah.

Pada masa ini terdapat berbagai nama yang diberikan kepada ajaran sesat. Di antaranya ada yang disebut sebagai Ilmu Hakikat, Ilmu Isi, Agama Bahai, Ajaran Taslim, Mengenal Roh, Ilmu Bungkus, Ilmu Sejati, Mazhab Qiadiani dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, semua ajaran ini tersusun dari berbagai bahan dan dipengaruhi oleh fahaman Animisme, Dinamisme, Hinduisme, Budisme, Kristian, Yahudi, Islam, Fahaman Kuno, Batiniah dan sebagainya. Ia juga muncul akibat dari kacukan ajaran tasawuf Mazhab Tajalli dengan gerakan batiniah.¹

Di sini akan dinyatakan secara ringkas, pengertian beberapa perkataan yang akan digunakan dalamuraian mengenai ajaran sesat, iaitu :-

a) Batiniah.

Gerakan batiniah lahir sejak zaman Khalifah al-Abbasiah, iaitu pada masa pemerintahan al-Ma^cmun (198 H) dan mula merebak pada zaman al-Mu^ctasim (218).² Perkataan Batiniah digunakan untuk menyebut

¹ H.O.K. Rahmat, Pencemaran Aqidah Di Nusantara, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, m.s. 55.

² Abdul Fatah Haron Ibrahim, Ajaran Sesat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, m.s. 29.

beberapa aliran umat Islam. Ia berasal dari perkataan "batin" bererti dalam. Istilah ini membawa maksud, mereka yang mencari makna Al-Quran yang tersirat secara rohaniah tetapi berhadapan dengan makna yang sebenar. Tegasnya di sini ahli batiniah menggunakan kaedah penafsiran secara takwil.¹ Batiniah yang merupakan salah satu gerakan anti Islam percaya bahawa setiap benda yang zahir itu ada batinnya, oleh yang demikian tiap ayat yang diturunkan ada takwilnya (كُلُّ ظَاهِرٍ يَأْتِي مَعَهُ بَاطِنٌ) (وَكُلُّ تَسْتَبِيلٍ تَأْوِيلٌ).²

Tetapi erti takwil dan batin dilakukan berdasarkan kepada hawa nafsu tanpa kaedah yang tertentu bertentangan dengan syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Namun begitu, istilah takwil telah digunakan oleh Ahli Sunnah wal Jamaah untuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penganut berbagai aliran termasuk Qaramitah dan Ismailiah.³

Batiniah yang diasaskan oleh musuh-musuh Islam seperti orang Yahudi, Majusi, Zindiq mempunyai nama yang bermacam-macam seperti Ta'alimiah, Qaramitah, Ismailiah dan lain-lain lagi, gerakan ini yang muncul sejak abad kedua hijrah masih aktif hingga sekarang.

¹ H.O.K. Rahmat, op.cit., m.s. 56.

² ibid.

³ Abdul Fatah Haron, op.cit., m.s. 34.

Di Malaysia, ia dikenali sebagai ajaran sesat, Ajaran Taslim, Ilmu Isi dan sebagainya.¹

Golongan ini boleh dikenali dengan adanya ajaran-ajaran yang bersifat rahsia. Sejak kebelakangan ini, ajaran Batiniah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur falsafah, oleh itu tidak hairanlah terdapat beberapa golongan tasawuf kadang-kadang juga disebut sebagai puak batiniah. Mereka ini nampak pada lahirnya sahaja sebagai Islam tetapi aqidah dan amalan mereka bertentangan dengan Islam.

b) Tariqat.

Perkataan "tariqat" dari Bahasa Arab. Tariqat bererti jalan, mazhab, aliran dan kaedah.² Secara umumnya ia dimaksudkan kepada kumpulan atau kaedah dan peraturan tertentu untuk mendekatkan diri kepada Allah.³

Tariqat pada pengertian yang khusus ialah, jalan dan pertunjuk untuk melakukan sesuatu ibadat sesuai dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad yang diamalkan oleh para sahabat dan Tabi'in, turun temurun sehingga kepada guru-guru secara berterusan. Ulamak-ulamak

¹ Al-Ghazaly, terj. Abdul Fatah Haron Ibrahim, Penyelamat Dari Kesesatan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cet. kedua 1989, m.s. 39.

² Dr. Engku Ibrahim Ismail, "Perkembangan Tariqat/Tasawuf Di Malaysia Serta Sikap Masyarakat Terhadapnya", Ruhaniyyat, Bil.1 1989, 14.

³ H.O.K. Rahmat, op.cit., m.s. 82.

tasawuf menggunakan istilah ini selain dari istilah al-Manhaj, al-Ama-li, al-Qurbah dan as-Suluk untuk menerangkan "musyāhadah" atau menyaksikan Allah untuk menemui hakikat Allah.¹

Pada kebiasaannya, mereka yang menganut fahaman tasawuf mengamalkan tariqat dengan caranya yang tersendiri. Ramai dari kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia yang berfahaman sufi dengan cara dan aliran yang berbeza di antara satu sama lain.²

Tasawuf yang lahir hasil daripada kesedaran untuk hidup zahid dalam Islam mula tersebar secara meluas pada awal abad pertama hijrah.³ Mereka yang mengamalkan tariqat akan mempelajari segala ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengan perlaksanaan semua perintah. Untuk itu mereka sering mendimpungi guru-guru dan teman-teman yang setaraf untuk melihat cara mereka beribadat. Mereka mengekang diri dari melakukan kesalahan dan mengikut hawa nafsu, memperuntukkan sebahagian besar daripada waktunya untuk berzikir yang menjadi inti-pati bagi setiap kumpulan tariqat yang dianjurkan oleh Al-Quran. Walaubagaimanapun golongan ulamak Ahli Sunnah menyatakan pengamalan tariqat sebagai bid'ah yang sengaja diada-adakan.⁴

¹ Dr. Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 14.

² H.O.K. Rahmat, op.cit., m.s. 83.

³ Dr. Engku Ibrahim Ismail, op.cit., m.s. 15.

⁴ Al-Ghazaly, terj. Mu'amal Hamidy, Bukan Dari Ajaran Islam, P.T. Bina, Surabaya, cet. ketiga, 1982, m.s. 92.

Oleh itu tidak syak lagi, pada masa ini terdapat banyak kumpulan tariqat yang tergolong dalam ajaran salah di samping kumpulan-kumpulan tariqat yang diterima oleh para ulamak. Segala amalan dalam kumpulan tariqat yang tidak berasal dari syariat dan bukan dari Allah, secara tidak langsung ianya tertolak dan dikira sebagai bid'ah sesat yang bertentangan dengan Sunnah.

Imam Bukhari dan Muslim telah meriwayatkan sebuah hadith mengeninya yang berbunyi,

”من أحدث أمرها هذا مالبس منه فهو حرام“

Maksudnya: "Barangsiapa mengada-adakan dalam urusan (agama) kami ini, suatu pekerjaan yang tiada dari padanya, maka ia tertolak".

c) Animisme.²

Animisme ialah kepercayaan tentang wujudnya roh dan jiwa yang boleh mempengaruhi kehidupan manusia. Lazimnya Animisme menimbulkan "religis", di mana pengikutnya akan melakukan sebarang bentuk pemujaan dan perhambaan diri kepada sesuatu kuasa yang berperibadi. Ini kerana mereka merasa terikat dengan kuasa tersebut dan menganggap ia boleh menentukan nasib baik atau buruk bagi manusia.

¹ Imam Nawawi, Riadhu al-Salihin, Kaherah Mutba^c al-Taqaddum, 1980, m.s. 72.

² H.D.K. Rahmat, op.cit., m.s. 19.

d) Dinamisme.¹

Dinamisme merupakan suatu kepercayaan tentang adanya tenaga yang tidak berperibadi, samada pada diri manusia, haiwan, tumbuhan, benda-benda, perkataan, tulisan dan sebagainya.

Biasanya kepercayaan Dinamisme akan menimbulkan magis (magic). Seseorang yang mempercayainya akan menguasai sesuatu kuasa ghaib dengan melakukan amalan-amalan tertentu. Kuasa ghaib ini dipercayai akan dapat digunakan untuk memenuhi kepentingan peribadi dan merugikan orang lain.

2. TUJUAN PENGEMBANGAN AJARAN SESAT.

Ajaran sesat merupakan satu ancaman besar kepada masyarakat Islam kini. Ia boleh membawa pengikutnya keluar dari aqidah dan syariat Islam yang sebenar. Ajaran sesat juga menyebabkan pengikutnya putus hubungan atau silaturrahim dengan saudara-saudara Islam yang lain. Ini kerana pergerakannya dilakukan secara rahsia di kalangan ahli kumpulannya sahaja. Ia dikatakan salah satu daripada siri pakatan jahat yang dilakukan oleh Yahudi untuk menghancurkan Islam.

¹ ibid.

Oleh itu secara tidak langsung, mereka yang memainkan peranan dalam pengembangan ajaran sesat adalah agen kepada gerakan Yahudi. Tujuan mereka ialah merosakkan aqidah umat Islam.¹

Di samping itu terdapat juga motif-motif yang bersifat peribadi mendorong kepada perkembangan ajaran sesat. Di antara lain, ajaran ter sebut dikembangkan kepada masyarakat untuk mendapatkan kepentingan peribadi seperti mendapatkan publisiti dan sanjungan serta pangkat yang tinggi dari masyarakat. Untuk itu, walaupun mereka jahil dalam hal-hal keagamaan tetapi dalam ajarannya mereka membincangkan hal-hal yang mempunyai hubungan dengan Ilmu Tasawuf dan membahaskan persoalan aqidah yang bersangkutan dengan rukun iman.

Di samping itu terdapat juga tujuan yang bersifat material berupa kesenangan hidup. Sifat pengabdian diri kepada guru-guru yang telah ditanamkan di dalam hati-hati ahli kumpulan ajaran sesat telah membawa kesenangan hidup kepada tuan-tuan guru yang bertanggungjawab menyebarkan ajaran tersebut. Untuk memenuhi ketaatan dan pengabdian diri kepada guru, pengikut-pengikutnya sanggup membanting tulang, berkerja dan mengorbankan anak isteri, harta benda dan sebagainya untuk guru-guru mereka.²

¹ al-Ghazaly, op.cit., m.s. 39.

² Temubual dengan Ustaz Abdul Latif Awang, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIJ, pada 24.10. 1989.

Mengikut laporan yang dibuat, hasil daripada persidangan Jabatan Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, bahawa dalam ajaran Taslim, hasil banting tulang pengikutnya banyak wang ringgit yang telah dikumpulkan sehingga gurunya berjaya menubuhkan syarikat penerbitan yang dikenali sebagai "Sinaran Brothers".¹

Oleh itu untuk memastikan keadaan mereka tidak tergugat, guru-guru tersebut akan mempengaruhi muridnya agar merahsiakan pergerakan mereka dari pengetahuan umum.² Mereka juga merendah-rendahkan ulamak sekarang sebagai penipu, tamak dan sebagainya. Mereka mengajarkan pengikutnya menyimpan perasaan benci kepada para ulamak dan semua pihak yang menentang pergerakan mereka. Para pengikutnya merasakan hanya mereka sahaja yang benar dan patut diberi ketaatan.

Mereka biasanya mementing dan memperhambakan diri kepada hawa-nafsu dan kebendaan. Mereka tidak dapat menggunakan akal dengan se-wajarnya dalam menentukan tindak tanduk mereka. Sebaliknya gelagat hidup mereka diatur oleh hawanafsu yang biasanya memandang kepada kepuasan dunia. Di samping mengajarkan ajaran salah, mereka mengambil peluang memuaskan nafsu seks dari kaum wanita dalam kumpulan mereka. Contohnya dalam ajaran Taslim, setiap pengikutnya melakukan

¹ Pusat Penyelidikan Islam, "Ajaran Sesat Dan Langkah-Langkah Mengatasinya", Kertaskerja Bil. 9/80, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, m.s. 19.

² al-Chazaly, op.cit., m.s. 40..

zikir beramai-ramai, maka berlakulah percampuran di antara lelaki dan perempuan, seterusnya membawa kepada perzinaan. Mereka berpendapat bahawa anak yang dilahirkan dari hasil perhubungan tersebut dianggap soleh.¹

Selain daripada itu, kumpulan ini juga mengamalkan pernikahan batin, di mana setiap ahli kumpulan yang telah berkahwin hendaklah mendapatkan pengesahan daripada guru mereka terlebih dahulu sebelum bersekedudukan. Untuk sampai kepada matlamat sah nikahnya, setiapisteri hendaklah dibenarkan tidur dengan gurunya,² Begitulah juga amalan yang dilakukan oleh pendokong tariqat Syazaliyyah, Zainabiyah dan Muhammadiyyah yang berkembang di Mesir.³

Dari keterangan di atas, jelas bahawa antara matlamat pengembanan ajaran sesat ialah untuk menyelewengkan aqidah masyarakat Islam yang boleh meruntuhkan iman mereka, menghapuskan nilai-nilai kerohanian dan membawa masyarakat kepada kekufuran dan kemaksiatan.

¹pusat penyelidikan Islam, op.cit., m.s. 2.

²ibid., m.s. 14.

³Astora J.B., "Nabi Palsu", (siri pertama), Utusan Malaysia, (Pencarindera), pada 19.8.1988, m.s. 2.

3. IMPLIKASI AJARAN SESAT TERHADAP MASYARAKAT.

Seiring dengan kebangkitan semula Islam di dunia ini, banyak masalah yang telah ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam yang tidak mahu melihat kegemilangan Islam di dunia ini. Salah satu cara yang mereka lakukan untuk melemahkan perkembangan Islam ini ialah mewujudkan berbagai ideologi yang bertentangan dengan Islam.

Untuk menghadapi segala permasalahan yang mendatang ini, maka seseorang Islam itu perlu mempunyai benteng keimanan dan kekuatan aqidah agar tidak hanyut dalam arus keduniaan yang menurut hawa nafsu semata-mata.

Bagi mewujudkan aqidah yang mantap dan kuat, seseorang itu perlu melatih dan mendidik rohani supaya mengagumi kesesaan Allah dan menjadikan diri khusyu^c dalam melahirkan ketakutan kepada Allah.. Untuk itu semuam umat Islam hendaklah memelihara kesucian aqidahnya dari bercampur-aduk dengan unsur negatif dalam apa jua bentuk idea dan amalan yang bercanggah dengan konsep kebenaran hakiki yang dijelaskan oleh Allah melalui Al-Quran.

[ni memandangkan segala persoalan dan kepercayaan yang bertentangan dengan apa jua yang dibawa dan dijelaskan oleh Rasulullah adalah dianggap salah dan tertolak. Baginda bersabda dalam sebuah hadithnya yang berbunyi,

”مَنْ عَلَى عَلَى لِسْنِهِ أُمْرٌ فَهُوَ بِهِ“

Maksudnya, "Barangsiapa yang beramal dengan sesuatu amalan yang bukan dari perintah kami maka ianya ter-tolak".

Manusia sebagai makhluk Allah akan dipandang tinggi di sisi-Nya jika mempunyai aqidah yang sebenar. Kebenaran aqidah akan menaikkan taraf manusia sebagai makhluk yang dihormati. Untuk itu manusia hendaklah menggunakan akal untuk memikirkan tentang kekuasaan dan kebersaran Allah melalui alam ini. Sekiranya akal digunakan untuk memikirkan hal-hal yang di luar kemampuannya, maka akan berlakulah penyelengengan daripada ajaran Islam yang sebenar.
2

Ekoran dari itu, hal-hal kepercayaan yang mudah difahami menjadi sulit kerana ianya didasarkan kepada dalil-dalil falsafah dan ketentuan logik sahaja. Ini akan melahirkan kekeliruan dan salah faham kepada masyarakat dan mengurangkan kebersihan rohani dan ketinggian akhlak.

Ajaran sesat bertentangan dengan aqidah Islam, ia menggugat perpaduan umat Islam. Malah perpecahan di kalangan umat Islam yang telah sedua ada menjadi lebih buruk lagi dengan munculnya kumpulan-kumpulan pembawa ajaran sesat.

¹ Imam an-Nawawi, op.cit., m.s. 72.

² H.A. Malik Ahmad, Aqidah, Al-Hidayah, Jakarta, cetakan keempat, 1983, m.s. 28.

Penelitian yang dibuat menunjukkan syarat dan prinsip yang ditetapkan dalam sesuatu ajaran sesat menyebabkan terputusnya hubungan seseorang ahlinya dengan masyarakat lain. Ini kerana apabila menyertai sesuatu kumpulan ajaran sesat seseorang itu dikehendaki merahsiakan segala pengajaran dan kegiatan kumpulannya dari pengetahuan masyarakat dan menganggap orang lain yang bukan dari kumpulannya tidak faham tentang Islam yang sebenar.¹ Syarat ini telah meretakkan hubungan antara ahli kumpulan ini dengan mereka yang bukan ahlinya kerana mereka hanya hidup dalam kelompoknya sahaja.

Perbezaan dalam soal aqidah juga telah membawa kepada perceraian perbezaan dalam sesebuah rumah tangga, jika salah seorang daripada mereka tidak dapat menerima ajaran tersebut. Malah kumpulan ini sanggup meninggalkan Islam secara terang-terangan.

Masalah perpaduan umah yang timbul akibat daripada gerakan ajaran sesat ini menyebabkan kaum muslimin melakukan kesalahan-kesalahan besar dalam Islam. Ini kerana aqidah tidak dapat menguasai dan mengatur akhlak anggota masyarakat, keimanan juga tidak dapat menjiwai tindak tanduk kehidupan mereka sedangkan kekuatan aqidah penting dalam kehidupan seseorang kerana ia membaiki peribadi seseorang. Kelemahan aqidah akan membawa kelemahan peribadi rumah tangga dan kehidupan bermasyarakat.

¹ ibid., m.s. 25.

Di samping itu perkembangan dan kegiatan ajaran sesat ini juga membuka peluang kepada agama Kristian untuk mengajak manusia kepada agamanya. Pendakwah-pendakwah kristian mendakwa bahawa agamanya boleh menjadi penyelamat kepada perpecahan yang berlaku akibat perbezaan fanaman. Orang-orang Yahudi dan Kristian sentiasa mencari jalan untuk membawa orang Islam kepada agama mereka, Allah berfirman;

وَلَنْ رَضَنَ عَنْكَ الظَّاهِرُ وَلَا النَّصْرَى حَتَّىٰ تَبْيَعَ مِلْتَمِمَهُ¹

Maksudnya, "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak suka kepada engkau, kecuali kalau engkau mengikut agama mereka".

Jadi untuk mencapai cita-cita tersebut, golongan Yahudi dan Nasrani sentiasa berusaha untuk menyesatkan umat Islam dengan mengelirukan aqidah mereka. Ini kerana aqidah merupakan asas atau tunggak kekuatan umat Islam. Maju dan mundurnya umat Islam bergantung kepada kuat atau lemahnya aqidah mereka. Kelemahan aqidah akan membawa kepada pelbagai kemaksiatan yang menjadi punca segala kerosakan dalam masyarakat. Perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik yang diamalkan oleh kumpulan ajaran sesat merupakan unsur-unsur yang boleh membawa kehancuran umat Islam.

Seseorang guru ajaran sesat dapat mempengaruhi pengikutnya dengan mencipta hadith-hadith palsu, mengubah hadith rasul dan

¹ Surah al-Baqarah, ayat; 120.

mengkritiknya. Mereka menyelengangkan tafsiran Al-Quran untuk disesuaikan dengan kehendak nafsu dan ajaran mereka.¹ Allah berfirman,

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْرُؤْبُوهُ إِنَّا قَلِيلًا
فَوَيْلٌ لَّهُمْ مَمَّا كَتَبْتُ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُمْ مَمَّا يَشْكِسُونَ²

Maksudnya, "Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka (lalu mengubah kalimah Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata, "Ini adalah dari sisi Allah". Supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh mereka dan kesalahan besar bagi mereka, kerana apa yang mereka usahakan itu".

Bagi mereka yang tidak mempunyai asas agama yang kukuh, biasanya mengalami kesukaran untuk mengenal sesuatu kesalahan dalam sebuah ajaran sesat. Ini memudahkan lagi tugas pengembang ajaran sesat mempengaruhi mereka dengan mencampur-adukkan perkara yang hak dan batil dalam ajarannya. Mereka menggunakan ayat-ayat "mutasyabihat" dengan takwilan-takwilan sendiri untuk kepentingan mereka. Allah berfirman;

فَإِمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَاءَ مِنْهُ أَيْنَعَةً أَفْتَنَةً وَأَيْنَعَةً تَأْوِيلَهُ
وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ³

Maksudnya, "Adapun orang-orang yang ada di dalam hatinya kecenderungan kepada kesesatan, maka diikutinya apa yang mutasyabihat, kerana menghendaki fitnah dan mencari-cari takwilnya (maksudnya) dan tidak ada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah".

¹ Mohd. Amin Bin Saleh, op.cit., m.s.44.

² Surah al-Baqarah, ayat: 79.

mengkritiknya. Mereka menyelengangkan tafsiran Al-Quran untuk disesuaikan dengan kehendak nafsu dan ajaran mereka.¹ Allah berfirman,

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ أَنْ يَدِيهِمْ فُمْ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْرُؤْبَاهُ مَنْ نَأَقْبَلَ²

فَوَيْلٌ لِّمَنْ حَمَّا كَتَبَتْ أَنْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لِّمَنْ حَمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya, "Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka (lalu mengubah kalimah Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata, "Ini adalah dari sisi Allah". Supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh mereka dan kesalahan besar bagi mereka, kerana apa yang mereka usahakan itu".

Bagi mereka yang tidak mempunyai asas agama yang kukuh, biasanya mengalami kesukaran untuk mengenal sesuatu kesalahan dalam sesetiap ajaran sesat. Ini memudahkan lagi tugas pengembang ajaran sesat mempengaruhi mereka dengan mencampur-adukkan perkara yang hak dan batil dalam ajarannya. Mereka menggunakan ayat-ayat "mutasyabihat" dengan takwilan-takwilan sendiri untuk kepentingan mereka. Allah berfirman;

فَإِمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَبْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَاءُهُ مِنْهُ أَبْغَاهُ الْفَتْنَةُ وَأَبْغَاهُ تَأْوِيلُهُ³
وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ۝

Maksudnya, "Adapun orang-orang yang ada di dalam hatinya kecenderungan kepada kesesatan, maka diikutinya apa yang menghendaki fitnah dan mencari-cari mutasyabihat, kerana menghendaki fitnah dan mencari-cari takwilnya (maksudnya) dan tidak ada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah".

¹ Mohd. Amin Bin Saleh, op.cit., m.s.44.

² Surah al-Baqarah, ayat: 79.

³ Surah Ali Imran, ayat: 7.

Begitulah keadaannya, penyelewengan ini membawa implikasi yang besar kepada penganut aqidah dan syariat Islam yang membawa mereka kepada syirik dan tidak mempercayai kewibawaan ulamak. Dengan itu mereka mengambil guru mereka yang sesat itu sebagai ketua dalam masyarakat. Di samping itu fahaman ini digunakan oleh sesetengah individu untuk mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran mengikut selera dan kehendak mereka dalam beribadat, bermu^camat dan bernegara. Perpecahan berlaku dalam masyarakat setelah ia sampai ke kemuncaknya, ia membawa kepada pertumpahan darah sesama sendiri seperti yang peristiwa yang berlaku di Balai Polis Batu Pahat, Johor dahulu.

4. SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SESAT.

Ajaran sesat adalah satu perkara yang telah lama muncul dalam masyarakat Islam. Ia merupakan hasil adunan pengaruh sebelum Islam dan kepercayaan Animisme serta rekacipta kuno yang tidak berdasarkan kepada syariat Islam. Ia merupakan satu penyelewengan yang membawa pengikutnya keluar daripada aqidah yang sebenar.

Kemunculan ajaran sesat adalah hasil daripada perancangan rapi musuh-musuh Islam. Mereka bertujuan untuk merosakkan agama Islam dan mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat menerusi perbezaan dan percanggahan fahaman. Mereka berharap dengan fahaman yang berbeza ini akan merosakkan aqidah umat Islam dan mengubah agama mereka. Musuh-musuh Islam juga telah membuat perancangan yang rapi untuk merosakkan

nilai-nilai keislaman dengan menimbulkan perkara-perkarasyubhat dalam agama di samping menyelwengkan aqidah dan sejarah Islam.

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa tegaknya Islam di dunia ini melalui berbagai bentuk perjuangan dan pengorbanan hartabenda, jiwa dan airmata umat Islam sendiri. Dalam menegakkan kalimah Allah mereka sentiasa menghadapi berbagai serangan yang dilakukan oleh orang orang musyrik, kafir, munafik dan sebagainya. Musuh-musuh Islam ini sentiasa mengatur strategi untuk menghalang perkembangan Islam.

Ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa punca penentangan mereka ialah akibat kekalahan mereka dalam perang Salib yang ditaja oleh pihak gereja Kristian Eropah.¹ Ia tercetus hasil reaksi dan tindak-balas golongan Kristian Eropah terhadap perkembangan Islam.

Kekalahan yang dialami oleh penganut Kristian Eropah dalam beberapa siri peperangan yang berlaku selama hampir dua kurun² itu telah banyak memberi pengajaran kepada mereka. Dengan pengajaran-pengajaran tersebut mereka mampu membentuk suatu strategi baru untuk menentang dan menyekat perkembangan Islam.

¹ Idris Zakaria, "Islam Dan Ideologi Masa Kini", Mohd. Nasir Omar, Taradun Islam Dan Ideologi-Ideologi Masa Kini, Terbitan Mahdi, Selangor, 1986, m.s. 45.

² Ahmad Amin, Islam Sepanjang Zaman, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan kedua, 1985, m.s. 143.

Oleh itu jika dahulu mereka menggunakan kekuatan fizikal secara militar tetapi selepas itu menggunakan ideologi-ideologi yang dicipta dalam berbagai aspek kehidupan, salah satu daripadanya ialah ajaran sesat. Ideologi ini dihadapkan kepada umat Islam melalui perang surat atau perang ideologi.¹

Di Malaysia ajaran sesat telah dapat dikesan sejak dahulu lagi, setelah pengaruhnya berjaya masuk ke dalam masyarakat melalui gerakan batiniah yang mengamalkan tariqat-tariqat sufiah.² Oleh kerana tariqat-tariqat ini telah sedia dikenali oleh masyarakat di sini maka mudahlah bagi pengembang ajaran sesat mencari pengaruh mereka.

Namun begitu, kemunculan ajaran sesat ini tidak diberikan perhatian yang berat sehingga berlakunya peristiwa pertumpahan darah hasil daripada serangan yang dilakukan oleh sekumpulan penganut ajaran sesat yang bertopengkan "Tariqat Nur Zaman" ke atas Balai Polis, di Batu Pahat, Johor pada 16hb. Oktober 1980. Dalam serangan tersebut seramai enam orang anggota kumpulan tersebut terkorban manakala seramai dua puluh tiga orang awam yang cedera parah.³

Sebelum peristiwa itu, berlaku juga beberapa peristiwa lain yang melibatkan pengorbanan nyawa dan pertumpahan darah, termasuk peristiwa pemecahan Kuih Hindu di Kerling Selangor pada 19hb. Ogos 1978

¹ Idris Zakaria, op.cit., m.s. 147.

² Abdul Fatah Harun, op.cit., n.s. 44.

³ Mohd Amin Saleh, op.cit., m.s. 32.

peristiwa Tajul Ariffin (mengaku Imam Mahdi) telah mencederakan Imam Masjid Rapat Setia Ipoh Perak, pada 14hb. Julai, 1979. Peristiwa-peristiwa tersebut merupakan manifestasi dari ajaran sesat yang tersebar dan diamalkan dengan cara yang tidak bertanggungjawab.¹

Pada kebiasaannya, ajaran sesat ini bergerak secara sulit dan berkumpulan dengan diketuai oleh seorang guru yang dianggap mursyid dan mempunyai martabat yang tinggi di kalangan pengikutnya. Di Malaysia Ajaran Taslim merupakan satu-satunya ajaran yang paling lama usia perkembangannya.² Ini bermakna di Malaysia ajaran sesat telah berkembang sejak tahun lima puluhan lagi tetapi hanya kebelakangan ini sahaja ianya diberikan perhatian yang sewajarnya.

5. SEJARAH PERKEMBANGAN AJARAN SESAT DI JOHOR.

Ajaran sesat yang berkembang di Johor, adalah suatu gejala yang timbul secara senyap di sebalik kerancakkan masyarakat memperbaiki dan mempertingkatkan penghayatan Islam dalam kehidupan mereka. Masyarakat ini berhadapan dengan cabaran yang boleh mengugat keutuhan aqidah dan membawa mereka kepada perselisihan faham yang merbahaya.

¹ ibid.

² pusat Penyelidikan Islam, op.cit.

Semenjak dahulu lagi umat Islam di Johor telah dilanda oleh budaya ajaran sesat yang sebahagian besarnya dibawa masuk dari luar Negeri Johor seperti Indonesia, Kampuchea, Selangor, Kedah dan lain-lain. Sekitar tahun lima puluhan dan tujuh puluhan telah muncul ajaran Taslim, Tariqat Naksyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Dari Gunung Ledang, Ajaran Wak Hambali, Ilmu Laduni, Tariqat Nur Zaman, Ajaran Abu Bakar Bappu dan lain-lain lagi jenis ajaran sesat.

Di Johor kebanyakkan ajaran sesat menyusup masuk dari negeri-negeri jiran. Kepercayaan batiniah umpamanya adalah berasal dari pulau Jawa.¹

Ajaran sesat bergerak secara sulit dengan mempengaruhi orang yang kurang pengetahuan agama dan jahil dalam hal-hal keagamaan. Namun terdapat juga golongan cerdik pandai yang uturut terpengaruh dengan ajaran tersebut. Contohnya dalam ajaran Tariqat Nur Zaman di antara pengikut pengikutnya terdapat dari kalangan guru agama, imam masjid, bekas anggota polis dan sebagainya. Penglibatan mereka dalam ajaran ini adalah didorong dari rasa kecawa akibat hilang kepercayaan masyarakat kepadanya.

¹Berita Harian, 21hb. Oktober, 1985, m.s. 5.

² Kamal Amir, Tragedi Batu Pahat, Utusan Publication Dan Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, cet. pertama 1980, m.s.. 87.

Kebanyakan mereka yang terlibat dalam ajaran sesat di Negeri Johor adalah dari kalangan mereka yang dalam kehidupan sehariannya hanya tertumpu kepada aktiviti sara hidup sahaja. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai waktu yang terluang untuk mempelajari hal-hal keagamaan. Jadi golongan ini mudah terpengaruh dengan ajaran dan hujjah-hujjah yang disampaikan oleh pengembang-pengembang ajaran sesat dan menganggap semua yang disampaikan adalah benar.

Selalunya tektik yang digunakan untuk mempengaruhi para pengikutnya ialah dengan menggunakan persoalan-persoalan memerangkap yang boleh menarik minat mereka, kemudian dibiarkan mereka dalam keadaan tertanya-tanya buat beberapa ketika, contohnya;¹

- i) Apa erti^{nya} Islam?
- ii) Di mana letaknya Allah dan Muhammad?
- iii) Apa yang dikehendaki dengan ilmu pengenalan zat Tuhan?
- iv) Apakah dia pecahan kalimah *الله* ?
- v) Apakah rahsia yang terkandung dalam surah al-Fatiha?
- vi) Apa makna "alif", "lam", "ha" dalam kalimah Allah dan bagaimana kaitannya dengan sembahyang?

Pertanyaan-pertanyaan seperti ini menimbulkan rasa ingin tahu di hati mereka yang didedahkan dengan pertanyaan tersebut. Oleh kerana

¹ Abdul Fatah Haron Ibrahim, op.cit., m.s. 108-111.

mereka tidak pernah mendengar dari mulut-mulut guru agama dan alim ulamak, maka mereka mudah terpikat untuk mengetahui segala jawabannya. Untuk itu mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat tertentu untuk mengetahuinya termasuklah bersumpah tidak akan mendedahkan rahsia pengajaran itu kepada orang lain. Mereka hendaklah patuh atas segala arahan guru tanpa sebarang bantahan. Sesetang yang melanggar syarat tersebut dianggap tidak layak menerima ilmunya yang dianggap sebagai inti kepada ajaran tersebut.

Begitulah antara cara-cara yang digunakan oleh guru-guru sesuatu kumpulan ajaran sesat bagi memastikan kegiatannya tidak diketahui umum dan seterusnya menimbulkan kritikan dari orangramai yang bukan ahlinya. Ini adalah untuk menjaga kepentingan mereka sendiri.